

## Penularan COVID-19

## Mendepani kelaziman baharu di kampus

Kuala Lumpur: Wabak COVID-19 yang berlaku di seluruh dunia menuntut masyarakat untuk melatih dan mendisiplinkan diri dengan normal baharu dalam setiap aktiviti kehidupan seharian termasuklah aktiviti dalam bidang pendidikan tinggi bagi memutuskan rantaian jangkitan virus berkenaan.

Kebanyakan universiti awam (UA) yang dijangka memulakan semester baharu pada bulan ini dan bulan depan memilih untuk melaksanakan pendaftaran secara dalam talian bagi mematuhi peraturan keselamatan yang ditetapkan kerajaan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Naib Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM), Prof Emeritus Datuk Ir Dr Mohd Azraai Kassim, berkata sejajar dengan tawaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), UiTM sudah membuka pendaftaran secara dalam talian seawal 4 Jun lalu sehingga 21 September ini, membolehkan pelajar asasi, profesional, sarjana muda, pascasiswazah, pra diploma dan diploma.

Katanya, tempoh masa yang agak panjang itu bertujuan mengambil kira masalah yang mungkin dihadapi oleh bakal pelajar dalam melaksanakan pendaftaran secara dalam talian.

"Sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) pula bermula dari 13 dan 22 Julai serta 13 Oktober ini. Ini bermakna, UiTM akan terus melaksanakan PdP secara *Open*

*and Distance Learning* (ODL) kepada pelajar sedia ada dan pelajar baharu seperti yang diarahkan oleh KPT sehingga 31 Disember ini.

"Keutamaan UiTM adalah untuk memastikan aspek keselamatan, keterlibatan, kualiti dan kesinambungan PdP sebagai asas dalam pelaksanaan perkuliahan secara ODL ini. Pendekatan ini dilakukan dengan mengambil kira nasihat serta saranan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan KPT dalam menangani krisis pandemik berkenaan," katanya.

Seramai 55,193 pelajar baharu dijangka mendaftar pada semester kali ini di seluruh sistem UiTM dan pendaftaran pula dilakukan sepenuhnya secara dalam talian.

Prof Emeritus Mohd Azraai berkata, program Minggu Destinasi Siswa (MDS) iaitu minggu orientasi yang dilaksanakan khusus untuk pelajar baharu UiTM akan dijalankan secara ODL serentak di seluruh 35 buah kampus UiTM, malah semua aktiviti yang dirancang mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang digariskan KKM, KPT dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Beliau berkata, sehubungan itu, program UiTM akan dilaksanakan melalui pelbagai kaedah komunikasi media sosial seperti *Live Chat*, *Facebook*, *WhatsApp*, e-mel, telefon, khidmat pesanan ringkas (SMS), rakaman video dan video konferensi.

Katanya, pihaknya menggunakan pelbagai medium teknologi



Prof Emeritus Datuk Ir Dr Mohd Azraai Kassim



Prof Dr Mohd Rosli Hainin

maklumat semata-mata untuk memastikan tidak ada pelajar yang akan terpinggir dengan menjadikan amalan normal baharu sebagai masa terbaik untuk memangkin penggunaan teknologi digital dalam PdP.

Peringkat Pengajian	Tarikh mendaftar secara dalam talian	Tarikh mula sesi perkuliahan
Asasi	Mulai 4 Jun 2020	13 Julai 2020
Profesional	Mulai 22 Jun 2020	22 Julai 2020
Sarjana Muda, Pascasiswazah	Mulai 19 Ogos 2020	13 Oktober 2020
Pra Diploma/ Diploma	Mulai 21 September 2020	13 Oktober 2020

**Tarikh pendaftaran pelajar Universiti Teknologi MARA bagi Sesi Akademik 2020**

"Langkah itu dilakukan bagi memastikan PdP dapat dilaksanakan tanpa mengabaikan kualiti, keterlibatan serta memberi peluang pembelajaran yang fleksibel dari segi akses dan pelbagai mod pemerolehan pengetahuan kepada pelajar baharu.

"Ini adalah pendekatan proaktif UiTM ke arah memperkayakan pengalaman mereka agar bersedia untuk mendepani suasana kelaziman baharu kehidupan kampus nanti, sekali gus selari dengan saranan dan inisiatif yang disyorkan oleh KPT dalam normal baharu gaya PdP di institusi pengajian tinggi (IPT)," katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**, Prof Dr Mohd Rosli Hainin, berkata bagi sesi akademik 2020/2021, pihaknya merancang tarikh pendaftaran bagi pelajar baharu program dip-

loma pada 30 hingga 25 Julai ini manakala bagi pelajar baharu program sarjana muda pada 14 Oktober depan.

"Pendaftaran pelajar baharu akan dibuat secara dalam talian dan kehadiran pelajar kampus akan dilakukan secara berperingkat, malah Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMP sudah menyediakan SOP untuk memastikan penginapan pelajar di residensi pelajar mematuhi etika normal baharu.

"Seramai 660 pelajar baharu program diploma dijangka mendaftar pada bulan depan manakala 2,700 pelajar baharu program sarjana muda dijangka mendaftar pada Oktober ini. Pelajar sedia ada pula dijangka hadir ke kampus UMP pada 19 Oktober ini tertakluk kepada keputusan serta arahan dari Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan KPT," katanya.